

26 SEP 2001

Chong-Perjudian

LESEN PERNIAGAAN AKAN DIKELUARKAN KEPADA DIRIWAN CORP

KOTA KINABALU, 26 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri bersetuju mengeluarkan lesen perniagaan kepada Dirivan Corporation Sdn Bhd untuk memulihkan semula operasi perniagaan nombor ramalan di Sabah, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Katanya keputusan itu dibuat bagi menghormati keputusan Kementerian Kewangan Persekutuan yang meluluskan lesen perjudian kepada Dirivan Corp berkuatkuasa 1 Okt.

Dirivan Corp, satu unit dalam Olympia Industries Bhd, menutup operasi nombor ramalan pada 1996 apabila syarikat itu didapati melanggar syarat-syarat pelesenan.

"Dengan keputusan ini, kerajaan negeri berharap membayar kadar sewa bulanan sebanyak RM250,000 bagi penggunaan litar lumba kuda di Tuaran kepada Kerajaan," kata Chong kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di sini.

Dirivan Corp juga dijangka akan membangunkan litar lumba kuda Tambalang menjadi litar bertaraf antarabangsa selain bagi aktiviti ekuestrian bagi menarik kunjungan pelawat ke negeri ini.

Semalam, bekas ketua menteri yang juga presiden parti progresif rakyat Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata dasar kerajaan Barisan Nasional sejak 1994 adalah untuk mengurangkan perjudian di Sabah.

Chong berkata walaupun perjudian tidak dapat dihapuskan, aktivitinya boleh dikawal melalui pelesenan.

"Jika kita menghapuskan perjudian, kita memberi peluang kepada perjudian haram," katanya.

Chong juga berkata ketua menteri tidak mempunyai kuasa untuk menghalang sesiapa sahaja daripada menjalankan perniagaan perjudian.

Mengenai pakej rangsangan bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Chong berharap Sabah akan diberikan keutamaan.

-- BERNAMA

HAK RM LAT